

TERMA DAN SYARAT “KEMPEN MEDIK EKSTRA, MUDAH COVER”

- 1) Kempen Perlindungan Pasti, Ganjaran Menanti (“**Kempen**”) ini ditawarkan oleh **Prudential BSN** Kempen Medik Ekstra, Mudah Cover (“**Kempen**”) ini ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad (“**PruBSN**” atau “**kami**”). Dengan menerima Kempen ini, anda (“**anda**”, atau “**pelanggan**”) bersetuju bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen ini dan dengan sebarang perubahan atau pindaan yang mungkin kami lakukan terhadap Kempen ini dan/atau Terma dan Syarat Kempen ini dengan memberi notis terlebih dahulu kepada anda, yang mana notis tersebut akan diberikan oleh PruBSN.
- 2) Dengan menerima Kempen ini, anda juga bersetuju untuk terikat dengan Polisi Privasi kami yang boleh diakses di <https://www.prubsn.com.my/ms/privacy-policy/>.
- 3) Tempoh Kempen: Dalam tempoh 90 hari dari tarikh surat tawaran (“**Tempoh Sah**”).

4) Kelayakan Kempen:

- a) **Kempen ini** terbuka kepada Orang yang Dilindungi terpilih daripada pelanggan sedia ada PruBSN yang mempunyai **Sijil Perubatan berstatus Aktif** dengan PruBSN (“**Pelanggan yang Layak**” atau “**anda**”) dan yang telah dijemput melalui surat tawaran daripada PruBSN (“Surat Tawaran Kempen”), untuk menyertai sijil baharu PruBSN Asas360 dengan jumlah perlindungan asas antara RM5,000 hingga RM10,000 atau sijil baharu PruBSN AnugerahMax dengan jumlah perlindungan asas sebanyak RM10,000 dan dilampirkan dengan Health360 atau Medic TotalCare (dan Medic BoostCare, Health Retirement, Takaful Saver, Takaful Saver Impian atau Ihsan, jika berkenaan) sepanjang Tempoh Kempen (“**Sijil yang Layak**”).
- b) “**Sijil Perubatan berstatus Aktif**” merujuk kepada mana-mana sijil yang masih berkuat kuasa dan dilampirkan dengan pelan perubatan, yang dimiliki oleh Pelanggan yang Layak dengan PruBSN, bagi salah satu (1) daripada pelan perubatan berikut :
 - (i) Medic Protector
 - (ii) HealthEnrich+
 - (iii) HealthEnrich
 - (iv) Takaful Health2
 - (v) Takaful Health
 - (vi) Major Medical Cover2
 - (vii) Major Medical Cover
- c) Pelanggan yang Layak hendaklah mengemukakan permohonan untuk menyertai Sijil yang Layak melalui Mobility dalam Tempoh Kempen (“**Permohonan**”), di mana Permohonan tersebut mestilah diluluskan dan dikeluarkan oleh kami dalam Tempoh Kempen. Permohonan itu hendaklah memenuhi keperluan berikut:
 - Pelanggan yang Layak mestilah merupakan Orang yang Dilindungi dalam Permohonan;
 - Jumlah perlindungan asas bagi Sijil PruBSN Asas360 yang Layak hendaklah antara RM5,000 hingga RM10,000 sahaja; atau
 - Jumlah perlindungan asas bagi Sijil PruBSN AnugerahMax yang Layak adalah RM10,000 sahaja;
 - Pilihan bayaran bersama yang dipilih bagi Health360 atau Medic TotalCare adalah antara High Deductible RM10,000 atau High Deductible RM50,000;
 - Pilihan sumbangan yang dipilih bagi Medic TotalCare hendaklah Sumbangan Rata sahaja;
 - Boleh dilampirkan dengan rider Medic BoostCare, Health Retirement, Takaful Saver, Takaful Saver Impian atau Ihsan (jika berkenaan); dan
 - Sebarang bebanan (*loading*) dan/atau pengecualian (mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikemas kini selaras dengan Surat Tawaran Kempen semasa mengemukakan Permohonan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara maklumat loading dan/atau pengecualian yang dikemas kini dalam Permohonan dengan rekod sistem PruBSN, PruBSN mempunyai budi bicara untuk mengeluarkan Surat Penerimaan Bersyarat (*Conditional Acceptance Letter, CAL*) atau Surat Penerimaan Pengecualian (*Exclusion Acceptance Letter, EAL*), jika perlu.
- d) Pelanggan yang Layak boleh berunding dengan ejen perkhidmatan masing-masing untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kelayakan mereka untuk Kempen ini.

5) **Tawaran Kempen:**

- a) Tertakluk kepada Terma dan Syarat, setiap Pelanggan yang Layak tidak dikehendaki menjalani proses pengunderaitan perubatan bagi Permohonan yang dikemukakan kepada PruBSN (“**Tawaran Kempen**”).
- b) Setelah kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 4 di atas dipenuhi, setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak kepada satu (1) Tawaran Kempen sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
- c) Kelulusan akhir adalah tertakluk kepada saringan pematuhan (compliance screening).
- d) Sekiranya Pelanggan yang Layak mengemukakan lebih daripada satu (1) Permohonan bagi setiap Sijil yang Layak sepanjang Tempoh Kempen, hanya Permohonan pertama yang dikemukakan akan diproses selaras dengan Tawaran Kempen. Sebarang Permohonan tambahan yang dikemukakan selepas Permohonan pertama akan tertakluk kepada proses standard PruBSN dan/atau keperluan pengunderaitan.
- e) Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memenuhi keperluan Kelayakan Kempen seperti yang dinyatakan dalam Klausula 4 di atas atau mana-mana klausula dalam Terma dan Syarat ini, Permohonan Pelanggan yang Layak akan ditolak dan peraturan pengunderaitan standard serta pengunderaitan penuh PruBSN akan terpakai.
- f) Sekiranya Pelanggan yang Layak membatalkan Permohonan sepanjang Tempoh Kempen, Pelanggan yang Layak akan hilang kelayakan untuk menyertai Kempen ini.
- g) Jumlah perlindungan asas bagi PruBSN Asas360 atau PruBSN AnugerahMax akan digabungkan dengan sijil sedia ada Pelanggan yang Layak berdasarkan had jumlah perlindungan yang tersedia.
- h) Sebarang bebanan (*loading*) dan/atau pengecualian sedia ada yang dikenakan ke atas sijil Pelanggan yang Layak dengan PruBSN yang lain juga akan terpakai kepada Permohonan di bawah Kempen ini.
- i) Jika bebanan (*loading*) dan/atau pengecualian yang dikemas kini seperti yang dinyatakan dalam Klausula 5(h) adalah berbeza daripada rekod di dalam sistem kami, permohonan anda akan terus diproses, dan Surat Penerimaan Bersyarat (*Conditional Acceptance Letter, CAL*) atau Surat Penerimaan Pengecualian (*Exclusion Acceptance Letter, EAL*) akan dikeluarkan sekiranya diperlukan.

j) Keadaan Sedia Ada berikut **tidak dilindungi** di bawah Kempen ini:

- (i) 43 jenis Penyakit Kritikal: https://www.prubsn.com.my/export/sites/prudential-pbttb/ms/.galleries/pdf/MedikEkstraMudahCover_CIList.pdf
- (ii) Diabetes dan komplikasinya; dan
- (iii) Gangguan tulang belakang.

Perlindungan bagi mana-mana Keadaan Sedia Ada yang tidak tersenarai di atas hanya akan bermula selepas tiga (3) tahun dari tarikh permulaan sijil.

Klausula 5(j) ini hanya terpakai bagi rider Health360, Medic TotalCare, Medic BoostCare dan Health Retirement yang dilampirkan kepada Sijil yang Layak dan tidak terpakai kepada manfaat lain.

k) Kecuali bagi Klausula 5(j) di atas dan tempoh menunggu sedia ada dalam Sijil yang Layak di bawah manfaat-manfaat yang berikut:

- (i) 120 hari bagi Had Tahunan Tambahan bagi Kanser, Serangan Jantung dan Kegagalan Buah Pinggang dan Elaun Rawatan,
- (ii) 180 hari bagi Rawatan Penjagaan Kesihatan Mental,
- (iii) 365 hari bagi Bayaran Balik untuk Vaksinasi dan Komplikasi Bersalin,

semua tempoh menunggu yang lain yang melindungi Orang yang Dilindungi di bawah rider Health360 dan Medic TotalCare yang dilampirkan kepada Sijil yang Layak adalah tidak terpakai.

l) “Keadaan Sedia Ada” merujuk kepada ketidakupayaan, penyakit dan/atau keadaan yang anda dan/atau Orang yang Dilindungi mengetahui sewajarnya, di bawah Lampiran Health360 dan Medic TotalCare masing-masing yang dilampirkan kepada Sijil yang Layak (setiap satu, dan Lampiran), sebelum Tarikh Lampiran berkenaan atau tarikh Lampiran tersebut dikuatkuasakan semula, jika berkenaan. Anda dan/atau Orang yang Dilindungi mungkin dianggap mengetahui sewajarnya sesuatu keadaan sedia ada di mana hilang upaya, penyakit dan/atau keadaan tersebut adalah sesuatu yang mana:

- (i) Orang yang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- (ii) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;

- (iii) tanda-tanda ketara dan jelas atau telah terbukti; atau
- (iv) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi seseorang individu yang waras.

6) **Peruntukan Am bagi Kempen ini**

- a) Tawaran Kempen ini tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai, kredit atau dalam bentuk lain.
- b) Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju bahawa PruBSN, serta para pekerja, pegawai, pengarah, ejen, sekutu, syarikat induk dan anak syarikatnya, tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti ke atas kerosakan, kerugian, kecederaan, hak, tuntutan atau tindakan dalam apa jua bentuk yang berkaitan dengan Kempen ini, atau yang timbul daripada penerimaan, pemilikan, penebusan / penggunaan / penyalahgunaan Tawaran Kempen, atau penyertaan dalam Kempen ini, termasuk tanpa had, kecederaan peribadi, kematian, kerosakan harta benda serta tuntutan berdasarkan hak publisiti, fitnah atau pencerobohan privasi.
- c) Keputusan PruBSN mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini, termasuk Terma dan Syarat, adalah muktamad, mengikat dan konklusif. Tiada sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan akan dilayan.
- d) Kempen ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan anda bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia. Sekiranya mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini didapati tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang, peraturan, perintah, arahan, keperluan, piawaian, garis panduan dan kod amalan yang mempunyai kesan undang-undang ke atas kami, kesahan dan kebolehuatkuasaan peruntukan-peruntukan lain tidak akan terjejas.
- e) Pelanggan yang Layak hendaklah mematuhi semua undang-undang anti-rasuah dan anti-penyelewengan yang berkenaan, termasuk US Foreign Corrupt Practices Act, UK Bribery Act, Hong Kong Prevention of Bribery Ordinance, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, serta mana-mana peraturan dan panduan yang berkaitan. PruBSN berhak membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan yang Layak tanpa notis atas kegagalan mematuhi atau pelanggaran undang-undang berhubung dengan penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini.
- f) Pelanggan yang Layak dan PruBSN bersetuju bahawa sebarang penggunaan dan pendedahan maklumat menurut Kempen ini adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**PDPA**"). Pelanggan yang Layak dan PruBSN hendaklah mematuhi PDPA.
- g) Tidak mengira apa yang bertentangan yang terkandung dalam Kempen ini,
 - i) Sekiranya PruBSN mengetahui atau diberitahu bahawa Pelanggan yang Layak telah disenaraikan dalam mana-mana senarai Sekatan, atau berisiko untuk dimasukkan ke dalam mana-mana senarai Sekatan*; atau
 - ii) Sekiranya PruBSN didapati melanggar kewajipan Sekatan akibat Kempen ini,

PruBSN akan membatalkan kelayakan Pelanggan yang Layak berkuat kuasa serta-merta dan mengambil apa-apa tindakan lain yang difikirkan sesuai oleh PruBSN, termasuk tetapi tidak terhad kepada memaklumkan mana-mana pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan tanpa notis dan liabiliti.

*"**Sekatan**" merujuk kepada apa-apa langkah sekatan yang dikenakan ke atas rejim, negara, kerajaan, entiti, individu dan industri yang disasarkan oleh badan atau kerajaan antarabangsa di Malaysia atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada *Office of Financial Sanctions Implementation HM Treasury*, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, *European Union*, *US Treasury Department's Office of Foreign Assets Control* dan *Hong Kong Monetary Authority*.

- iii) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Klausula 6(g) ini, dan keupayaan PruBSN untuk membuat tuntutan terhadap Pelanggan yang Layak bagi sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh PruBSN yang timbul daripada pengendalian Klausula 6(g) ini, akan kekal selepas penamatan atau tamat tempoh Kempen ini.
- h) PruBSN boleh membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tamat Tempoh Kempen, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa tanpa notis. Bagi mengelakkan

sebarang keraguan, sebarang pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan Kempen oleh PruBSN tidak akan melayakkan Pelanggan yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau mendapatkan pampasan daripada PruBSN bagi apa-apa dan segala kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak, sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan tersebut.

- i) PruBSN boleh menambah, memadam, atau meminda Terma dan Syarat Kempen ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak. Kaedah pemberitahuan (jika ada) adalah mengikut budi bicara munasabah PruBSN, yang boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada penyiaran di laman sesawang atau laman media sosial PruBSN, paparan notis di mana-mana cawangan PruBSN dan/atau apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh PruBSN.
- j) Terma dan Syarat ni hendaklah ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah di Malaysia.
- k) Terma dan Syarat ni disediakan dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

HALAMAN TAMAT